

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

Jumlah keseluruhan kekal 22 orang

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan mengesahkan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di negara ini kekal 22 orang, sejak tadi ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata daripada jumlah itu, 20 daripadanya disahkan pulih sepenuhnya, manakala dua lagi masih menjalani rawatan susulan di hospital dan dilaporkan stabil.

"Dua pesakit ini adalah kes ke-16 dan ke-22 dan mereka masih dirawat di wad."

"Sementara jumlah bagi pesa-

kit dalam siasatan (PUI) yang dilaporkan ke Pusat Kesihatiagaan dan Tindak Cepat Krisis Negara (CPKC) sehingga hari ini (semalam) pula adalah sebanyak 796 kes," katanya dalam kenyataan media, di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kerajaan itu turut memastikan kesihatiagaan dan respon terhadap penyakit berjangkit berkenaan dapat dilaksanakan secara berkesan pada semua peringkat, termasuk di pintu masuk antarabangsa (PMA).

"Sehingga Ahad lalu, 7,617,964 individu sudah disaring di PMA se-



Dr Noor Hisham Abdullah

luruh negara dan daripada jumlah itu, 27 dirujuk ke hospital dengan dua kes disahkan positif COVID-19, iaitu kes ke-20 dan kes ke-22.

"Ia selepas mereka dikesan mengalami demam melalui mesin pengesan haba ketika saringan dilakukan di PMA," katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga akan terus memantau perkembangan jangkitan COVID-19 melalui maklumat yang diperoleh daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), selain memastikan langkah pencegahan dan kawalan sewajarnya dilaksanakan secara konsisten.

Bekas pesakit COVID-19 ucap terima kasih

Kuala Lumpur: Seorang warga China, yang didaftarkan sebagai pesakit COVID-19 yang ke-20 di negara ini, mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia dan kakitangan hospital di atas bantuan serta sokongan diberikan selama beliau menjalani proses pemulihan.

Lelaki berusia 27 tahun yang sebelum ini dirawat di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah itu berkata beliau lega dan gembira selepas pulih sepenuhnya.

"Ketika menerima rawatan di wad, kakitangan hospital sentiasa bersedia membantu. Mereka sangat profesional dan turut memberi sokongan emosi.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Malaysia atas usaha yang dibuat untuk melindungi pesakit dan orang ramai daripada wabak COVID-19," katanya dalam surat yang disiarkan Kementerian Kesihatan, dikongsikan Kedutaan China di laman Facebooknya.

Mula didiagnosis positif COVID-19 pada 14 Februari selepas menjalani saringan kesihatan di pintu masuk antarabangsa (PMA), beliau kemudian disahkan pulih dan dibenarkan pulang pada 19 Februari. BERNAMA

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : LOKAL

'Beli ais dari kilang dilesenkan KKM'

Putrajaya: Beli ais dari kilang yang dilesenkan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Itu nasihat KKM bagi memastikan keselamatan pengguna dan orang ramai diutamakan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah (**gambar**) dalam kenyataan berkata, pihaknya sudah menetapkan standard ais dan syarat lesen yang perlu dipatuhi oleh kilang ais mengikut Peraturan 394A, Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Menurutnya, ais yang dihasilkan hendaklah menggunakan sumber air terawat dan menjalani proses nyahjangkitan melalui pelbagai teknologi iaitu antaranya teknologi radiasi pengionan, ultra ungu dan sebagainya.

"Sehubungan itu, berdasarkan kajian dan maklumat yang diketahui sejak ini mengenai jangkitan Covid-19, pe-

matuhan kepada standard dan syarat perlesenan sedia ada dapat memastikan ais yang dikeluarkan oleh kilang ais adalah selamat.

"Namun, kilang ais yang tidak mempunyai lesen tidak dapat dipastikan keberkesanan proses penyajangkitan," katanya menjawab kenyataan Exco Kebajikan, Masyarakat Penya yang dan Alam Sekitar Pulau Pinang, Phee Boon Poh yang disiarkan sebuah akhbar pada 19 Februari 2020.

Di dalam artikel berkenaan, beliau dilaporkan menyarankan orang ramai untuk tidak mengambil ais daripada sumber yang tidak disahkan dan bahawa jangkitan Covid-19 boleh disebarluaskan melalui cecair.

"KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) juga sentiasa menjalankan pemantauan ke atas kilang ais yang beroperasi di negara ini bagi memastikan pengilang ais mematuhi peraturan yang ditetapkan," katanya.

Kadar jangkitan Covid-19 kekal 22

Kuala Lumpur: Tiada individu terbaru dijangkiti virus Covid-19 sehingga semalam, malah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 di negara ini kekal 22 individu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata daripada jumlah itu, 20 daripadanya disahkan pulih sepenuhnya manakala dua lagi masih menjalani rawatan di hospital dan dilaporkan stabil.

"Dua pesakit ini adalah kes ke-16 dan ke-22 yang masih dirawat di wad."

"Sementara, jumlah bagi 'Patient Under Investigation' (PUI) yang dilaporkan ke Pusat Kesapsigaan dan Tindak Cepat Krisis Negara (CPNC) sehingga hari ini sebanyak 796 kes," katanya, semalam.



AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 19
RUANGAN : NASIONAL

Beli ais dari kilang ada lesen KKM

Bagi mengelak kegusaran terkena jangkitan Covid-19

KUALA LUMPUR

Pengguna disarankan membeli ais daripada kilang dilesenkan Kementerian Kesihatan (KKM) bagi mengelak kegusaran terkena jangkitan koronavirus (Covid-19), kata Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, pengguna boleh merujuk nombor lesen KKM pada pembungkusan ais dan menyemak maklumat kilang ais yang memperoleh lesen KKM di laman sesawang rasmi Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM).

"KKM ambil maklum sara-

nan Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar Pulau Pinang, Phee Boon Poh dalam satu laporan media yang menyatakan orang ramai untuk tidak mengambil ais daripada sumber tidak disahkan dan bahawa jangkitan Covid-19 boleh disebarluaskan melalui cecair," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, Peraturan 394A Peraturan-Peraturan Makanan 1985 menetapkan standard ais dan syarat lesen yang perlu dipatuhi oleh kilang ais.

Katanya, ais dihasilkan hendaklah menggunakan sumber air terawat dan menjalani proses



DR NOOR HISHAM

nyahjangkitan melalui pelbagai teknologi, antaranya teknologi radiasi pengionan, ultraviolet dan sebagainya.

"Berdasarkan kajian dan maklumat diketahui setakat ini mengenai jangkitan Covid-19, pematuhan kepada standard dan syarat plesenan sedia ada dapat memastikan ais dikeluarkan oleh kilang ais adalah selamat. Namun, kilang ais tidak mempunyai lesen tidak dapat dipastikan keberkesanan proses penyahjangkitan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara mengancam kesihatan pengguna dan BKKM turut menjalankan pemantauan ke atas kilang ais yang beroperasi di negara ini bagi memastikan pengilang ais

mematuhi peraturan ditetapkan.

Sehingga kini, beliau berkata, terdapat 156 kilang ais berlesen dengan KKM di seluruh negara manakala 16 kilang ais masih dalam proses kelulusan lesen.

"Pada 2019, 140 kilang ais beroperasi tanpa lesen dikenakan pasti oleh KKM dan daripada jumlah itu, 18 kilang ais beroperasi tanpa lesen dikenakan tindakan penguatkuasaan, manakala 122 kilang bakal dikenakan tindakan tindakan ini.

"Pemilik kilang ais beroperasi tanpa lesen daripada KKM boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun," katanya. Beliau turut me-

nyarakannya agar pengguna yang mempunyai kemasykilan berhubung isu keselamatan makanan menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau hubungi KKM melalui laman sesawang <http://moh.spab.gov.my> atau laman Facebook BKKM. - Bernama

Lebih Tajam
Sinar Harian Setiap Ahad, Bermula 1 Mac

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES**MUKA SURAT : 9****RUANGAN : NEWS/NATION**

A health official screening passengers at the Sultan Ahmad Shah Airport recently. The Health Ministry advises the public to continue to take preventive measures against the coronavirus. BERNAMA PIC

20 Covid-19 patients have made full recovery

KUALA LUMPUR: A total of 20 Covid-19 patients in Malaysia have made full recovery from the coronavirus infection, said the Health Ministry.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said only two people, the country's 16th and 22nd cases, were still in hospital receiving treatment.

"The number of total infected cases remain at 22. The two patients are in stable condition," he said yesterday.

He said up to Feb 23, 7,617,964 people were screened at international entry points across the country.

"From these numbers, 27 people have been referred to hospitals and two positive Covid-19

cases were detected, which were patient cases 19 and 20.

"The two patients were detected with fever during a thermal screening at the entry points."

Up to yesterday, 796 cases of patients-under-investigation were reported to the Crisis Preparedness and Response Centre.

Dr Noor Hisham said the ministry was focused on prioritising the best strategy to prepare and respond to the Covid-19 cases.

"The ministry will continue to monitor any progress and updates on the virus from World Health Organisation.

"The public are advised to continuously practise proper hygiene care as a preventive measure," he said.